



Tips tanam ubi keleddek

Tips pertanian

bersama



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

Susunan ABDULL GHAFFAR OTHMAN
Taman Pertanian Universiti
aghaffar@putra.upm.edu.my

Pengawalan rumpai

Merumpai dijalankan semasa pokok membesar iaitu tiga minggu selepas ditanam dan sekali lagi mengikut keperluan.

Kawalan rumpai boleh secara manual atau menggunakan racun rumpai.

Kawalan perosak dan penyakit

UBI keledek yang ditanam secara meluas di negara ini boleh hidup subur dalam julat suhu 27 hingga 30 darjah Celsius dan kawasan dengan taburan hujan melebihi 100 sentimeter setahun. Ia juga sesuai di tanam di kawasan tanah lom berpasir dan tidak bertakung air dengan pH tanah yang sesuai adalah 4.5 hingga 7.0

Penanaman

Ubi keledek boleh hidup di pelbagai jenis tanah termasuk tanah yang kurang subur dengan pembajaan yang sesuai.

Saliran perlu untuk mengelak air bertakung dengan membina parit.

Tanah perlu dibajak dengan bajak piring untuk membalik-balikkan tanah

Info

Ubi keledek dengan nama saintifik *Ipomea batatas* dari famili *Convolvulaceae* berasal dari Amerika Tengah atau Amerika Selatan sejak 5,000 tahun yang lalu.

- Tumbuhan menjalar dengan bentuk daun yang berbeza mengikut spesies. Isi dan kulit ubi keledek juga ada pelbagai bentuk dan warna dari putih, kuning, merah, jingga hingga ke warna ungu.

- Di sesetengah negara tropika, ubi keledek dijadikan sebagai sumber makanan utama mereka.

- Di Malaysia ubi keledek dijadikan makanan manusia dan ternakan sama ada pucuk daun dan juga isinya.

- Pucuk daun keledek boleh dijadikan sayur dan isinya boleh digoreng, dibuat kuih muih, bubur dan sebagainya.

- Perusahaan pengilangan juga menggunakan ubi keledek untuk dijadikan tepung, pengeluaran alkohol dan lainnya.

- Ubi keledek mengandungi kanji, karbohidrat, serat, pelbagai vitamin termasuk vitamin C dan beta karotina.

untuk menghapuskan rumpai dan menambah bahan organik.

Ia diikuti dengan bajak putar untuk menghancurkan tanah untuk mendapatkan tekstur yang gembur.

Batas perlu untuk tanaman ubi keledek dengan ketinggian 30 hingga 40 sentimeter (sm) dan lebar 60 sm.

Bahan dan jarak tanaman

Ubi keledek ditanam menggunakan keratan batang dan pucuk dari pokok yang sedang menjalar.

Panjang keratan lebih kurang 30 sm yang mana keratan dicucuk ke dalam tanah dan tinggalkan sebahagian pucuk di permukaan tanah.

Jarak antara pokok adalah 25 sm bergantung kepada jenis tanah dan varieti ubi keledek.

Pembajaan

Bagi tanah yang berasid, pengapuran perlu untuk menaikkan pH.

Kadar pembajaan yang biasa adalah 70N:86P2O5:173K2O kg/ha bergantung kepada kesuburan tanah, jarak tanaman dan keadaan tanah.

Baja diberi selepas tiga atau empat minggu ubi keledek ditanam.

- Musuh ubi keledek adalah seperti tikus, siput dan lain-lain.

- Serangga yang biasa menyerang adalah kumbang *Cylas formicarius* yang mana larvanya akan menyerang pangkal pokok dan kumbang dewasa akan duduk melekat pada daun, akar dan batang.

- Penyakit akar hitam atau reput pangkal pokok disebabkan oleh *Ceratasmella fimbriata*.

- Kawalan secara amalan budaya yang baik dan membuang pokok-pokok yang diserang penyakit.

Pungutan hasil

- Hasil ubi keledek boleh dipungut antara empat hingga enam bulan selepas ditanam bergantung kepada jenis dan penjagaan.

- Ubi keledek boleh disimpan tetapi mestilah cukup tua dengan tempat penyimpanan yang mempunyai pengudaraan yang baik.

- Anggaran hasil adalah di antara 10 dan 15 tan/ha bergantung kepada penjagaan dan jenis ubi keledek.

SAMA seperti ibu kayu, tanaman ubi keledek juga wajar dikembangkan memandangkan penggunaannya dalam prosesan makanan amat penting.

